

Anwar dakwa ada bukti transaksi bank

➔ Presiden PKR dedah dokumen jika PAS terus cabar

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman dan Mohd Iskandar Ibrahim
wananwar@bh.com.my

► Hulu Langat

Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim mendakwa memiliki dokumen transaksi bank PAS membayar RM1.4 juta kepada Pengarang Sarawak Report, Clare Rewcastle-Brown.

Katanya, beliau hanya akan dedahkan dokumen terbabit yang dikaitkan dengan penyelesaian luar mahkamah kes saman fitnah Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang berhubung dakwaan penerimaan RM90 juta daripada UMNO, jika parti itu terus mencabarnya berbuat demikian.

“Saya ada baca kertas pendakwaan itu. Saya tidak bodoh kerana sudah banyak kali turun naik mahkamah sebelum ini. Apa yang Rewcastle-Brown cakap ialah PAS terima wang dari UMNO, bukan dari 1Malaysia Development Berhad (1MDB).”

“Ya, saya ada bukti Hadi bayar

RM1.4 juta kepada Claire. Saya ada dokumen transaksi bank itu. Buat masa ini saya tidak mahu tunjuk lagi bukti itu. Saya Anwar Ibrahim, saya tidak akan cakap jika tiada fakta,” katanya.

Berucap pada ceramah kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Semenyih malam tadi, Anwar berkata, PAS boleh membawa perkara itu ke mahkamah jika mahu mencabar bukti yang dimilikinya.

Sedia tunjuk bukti

“Sudah-sudahlah PAS. Apa yang anda kata itu tidak betul. Jika anda cabar, saya sedia tunjuk bukti terbabit,” katanya merujuk kenyataan Setiausaha Agung PAS, Datuk Takiyuddin Hassan kelmariin bahawa tiada bayaran dibuat kepada Rewcastle-Brown bagi penyelesaian luar mahkamah kes saman fitnah difaillkan Hadi.

Takiyuddin dilaporkan berkata, berdasarkan Perintah Perseetujuan (Consent Order) yang direkodkan di hadapan Master Brown di Mahkamah Tinggi London pada 1 Februari lalu, selain kedua-dua pihak bersetuju tidak meneruskan tuntutan dan tuntutan balas masing-masing, mahkamah tidak membuat sebarang perintah mengenai kos kepada mana-mana pihak.

Sebelum ini, Anwar mencabar PAS menjelaskan sama ada parti itu membayar lebih RM1

juta kepada Rewcastle-Brown sebagai kos untuk menyelesaikan saman antara kedua-dua pihak di luar mahkamah.

Ahli Parlimen Port Dickson itu dilaporkan berkata, penjelasan PAS itu perlu selepas pihaknya mendapati affidavit kes difaillkan oleh Rewcastle-Brown tidak selari dengan penjelasan PAS, sekali gus menimbulkan banyak kekeliruan.

Terdahulu di ibu negara, Anwar pada sidang media selepas merasmikan majlis kemuncak Hadiah Sastera Kumpulan Utusan, berkata beliau tidak fikir PAS boleh menafikan perkara itu kerana beliau ada maklumat cukup untuk membuktikan parti berkenaan membayar kepada Rewcastle-Brown.

Mengulas kononnya wujud gerakan undi tidak percaya kepada Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri, beliau berkata, isu berkenaan sengaja ditimbulkan Hadi untuk mengeruhkan hubungannya dengan Perdana Menteri.

Justeru, Anwar berkata, beliau terpaksa mendedahkan perkara sebenar selepas mendapati PAS berterusan menyeringnya bagi menimbulkan permusuhan dengan Dr Mahathir.

“Yang bangkitkan isu itu (undi tidak percaya) adalah Hadi. Selepas itu saya bincang dengan ketua parti Pakatan Harapan (PH), PKR, DAP, Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU)



Anwar Ibrahim

dan Parti Amanah Negara (AMANAH). Semua mengakui tidak pernah dengar usaha itu,” katanya.

Katanya, mereka terikat dengan perjanjian memberi sokongan kepada Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri, sekali gus tidak mungkin membatalkan perjanjian berkenaan dan tiada asas untuk membuat undi tidak percaya.

Anwar berkata, sebelum ini beliau enggan melayan dakwaan dan serangan PAS kerana menyifatkan parti itu adalah rakan ketika dalam Pakatan Rakyat.

“Tapi apabila saya tengok PAS berterusan serang saya, selepas saya menanggung susah payah dan derita dan nak lagakan saya dengan Dr Mahathir, saya terpaksa jelaskan,” katanya.

Pada majlis berkenaan, wartawan BH, Hafizah Izahamid menerima hadiah penghargaan bagi kategori Cerpen Umum menerusi cerpen bertajuk *Kuroshio*. Hafizah menerima hadiah wang RM800 berserta sijil penyertaan.

BH-28/2/2019 p/s: 4